

Remaja dan Celik Kewangan

Oleh: Mohd Aminuddin Mohd Ani@Mohd Hani

Memiliki wang yang banyak dikaitkan dengan pemilikan nilai material yang sangat diidamkan. Perkara ini dirakamkan dalam beberapa buah lagu popular tanah air (mungkin pembaca boleh membuat carian lagu berkenaan). Persoalannya, adakah kesedaran mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang baik wujud dalam kalangan pelajar yang rata-ratanya golongan remaja?



Celik kewangan merupakan perkara yang amat penting yang perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam kalangan remaja. Mutakhir ini, terdapat banyak golongan remaja yang mampu menjanakan pendapatan sendiri walaupun masih berstatus pelajar. Kebanyakan remaja ini terlibat dalam perniagaan secara dalam talian sebagai pemasar produk dan perkhidmatan yang dikenali sebagai *dropship agent* dan *affiliate marketer*.

Sementara itu, terdapat beberapa orang remaja tempatan yang berjaya menjadi pengengaruh (*influencer*). Mereka menjadi terkenal dan berjaya di mata masyarakat pada usia yang masih muda. Bagi golongan remaja yang keluarga mereka menceburi bidang perniagaan, mereka berkemungkinan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mengumpulkan wang. Walau apa pun, kesedaran tentang peri pentingnya celik kewangan perlu disemai sejak di bangku sekolah. Malah, remaja lepasan sekolah yang menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi akan didedahkan dengan pembudayaan keusahawanan merentas kurikulum.

Golongan remaja perlu didedahkan dengan konsep “pencari wang”, bukannya “pengguna wang” semata-mata. Mereka perlu didedahkan dengan ilmu kewangan dan perniagaan yang terbaik. Terdapat banyak peluang perniagaan yang boleh diterokai oleh golongan muda. Kini, banyak produk buatan sendiri (*home-made product*) yang boleh dipromosikan dan dipasarkan di luar waktu persekolahan. Produk yang mempunyai permintaan

tinggi, antaranya termasuklah produk makanan dan minuman, kecantikan, pakaian, kesihatan, permainan, dan buku.

Golongan remaja boleh menjual produk-produk ini secara konvensional atau secara dalam talian. Hasil jualan produk boleh digunakan untuk menampung duit poket yang diberi oleh ibu bapa. Apabila golongan remaja dilatih supaya mencari duit poket, sekurang-kurangnya mereka akan menghargai nilai wang yang diperoleh daripada hasil titik peluh mereka.



Amalan berjimat cermat dan menabung dalam kalangan remaja akan wujud jika dipupuk sejak awal sebelum mereka memasuki alam pekerjaan dan kehidupan berkeluarga. Berdasarkan laporan di media massa, kebanyakan pasangan yang baharu berkahwin terjebak dengan beban hutang yang tinggi pada peringkat awal perkahwinan. Hal ini akan mewujudkan suasana yang tidak sihat yang akhirnya menjejaskan kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga.

Celik kewangan merupakan latihan persediaan belanjawan peribadi. Ilmu kewangan seharusnya dipelajari dan dipraktikkan oleh semua ahli masyarakat. Kenaikan harga bahan mentah dan perkhidmatan menuntut setiap anggota masyarakat agar bertindak secara rasional untuk mengawal perbelanjaan isi rumah.

Golongan remaja juga tidak terkecuali disarankan agar menyediakan perbelanjaan peribadi pada setiap bulan. Hal ini untuk menggalakkan golongan remaja berbelanja secara berhemat agar tidak terjebak dengan keberhutangan yang serius. Golongan remaja mungkin mudah meminjam wang daripada ahli keluarga dan rakan-rakan mereka. Namun begitu, kekerapan meminjam wang dalam jumlah yang banyak, pastinya akan membebankan mereka jika tidak dilunaskan segera. Yang lebih memburukkan keadaan adalah apabila sikap suka meminjam wang akhirnya menjadi amalan dan tabiat yang tidak sihat.

Remaja yang bijak bukan sekadar hebat dalam kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi juga mahir dalam pengurusan personal, termasuklah pengurusan kewangan.

Pada hari ini, wang amat diperlukan bagi memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak manusia yang tidak bertepi. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melaporkan bahawa terdapat banyak kes individu yang mufلس akibat keberhutangan yang serius. Jika keadaan ini tidak dikawal dan dibendung, nescaya akan menimbulkan konflik dan krisis yang berpanjangan yang pastinya akan merencatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara. 